

Institut Pertanian Sarawak

IPS

ditubuhkan pada tahun 1983, Institut Pertanian Sarawak, Semongok adalah sebuah Institusi Latihan Jabatan Pertanian Sarawak yang kompeten dan berpengalaman luas dalam bidang latihan, khususnya dalam pengeluaran modal insan untuk sektor pertanian.

Institut ini ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah yang menawarkan Kursus Sijil Pertanian serta Sijil Kemahiran Malaysia yang menjalankan latihan teknikal dan berkualiti dalam pelbagai aspek pertanian, meliputi bidang pengurusan dan teknologi pengeluaran tanaman, memproses hasil pertanian, ternakan, perladangan, mekanisasi ladang dan landskap.

VISI INSTITUT PERTANIAN

- Menjadi peneraju pembangunan modal insan bagi mentransformasikan sektor pertanian.

MISI INSTITUT PERTANIAN

- Melahirkan modal insan berkompentensi melalui program pengajian yang dinamik dan mampan.

MATLAMAT PROGRAM

- Melahirkan graduan pertanian yang berpengetahuan dan berkemahiran;
- Menyediakan tenaga kerja yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan pasaran;
- Membangunkan usahawan yang kompetitif dan berdaya saing;
- Menyediakan laluan Pendidikan bagi pembelajaran sepanjang hayat.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Sijil Pertanian yang telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

JANGKAMASA PROGRAM

Program ini mengambil masa selama dua tahun (lima semester). Setiap sesi tahun pengajian mengandungi dua semester dan setiap semester terdiri daripada 15 minggu pengajian dan dijalankan secara sepenuh masa manakala Semester Lima dikhaskan untuk Latihan Industri selama 8 minggu. Program Sijil Pertanian merangkumi 61 jam kredit untuk layak dianugerahkan sijil.

STRUKTUR PENGAJIAN

Untuk mencapai matlamat Institut Pertanian, struktur program disediakan mengikut kumpulan kursus seperti berikut:

- Kursus Umum
- Kursus Teras dan
- Kursus Pengkhususan.

(Pelajar hanya dibenarkan memilih satu daripada 5 kursus pengkhususan yang ditawarkan)

STRUKTUR PROGRAM SIJIL PERTANIAN

TAHUN SATU

SEMESTER I	SEMESTER II
Pendidikan Islam	Asas Keusahawanan
Pendidikan Moral	Kejuruteraan Pertanian
Teknologi Maklumat	Pengurusan Tanaman Buah-buahan
Asas Matematik Pertanian	Hortikultur Hiasan
Pengurusan Tanaman Sayuran & Kontan	Asas Pengurusan Ternakan
Tanaman Industri	Asas Pemprosesan Makanan
Pengurusan Tanah	
Perlindungan Tanaman	

TAHUN DUA

SEMESTER III	SEMESTER IV
English For Communication	English For Occupational Purpose
Tamadun Islam & Tamadun Asia	Pengurusan Organisasi
Pengembangan Pertanian	Pertanian Berpotensi Tinggi
Perniagaan Tani	Kursus Pengkhususan (Elektif)
Kursus Pengkhususan (Elektif)	- Rekabentuk Landskap Dan Turf - Teknologi Pengeluaran Tanaman Sayuran. - Pengurusan Agromakanan - Teknologi Pengurusan Tanaman Perladangan - Pengurusan Ternakan Ruminan dan Ikan Air Tawar
- Pengurusan Elemen Landskap - Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan I (Buah-buahan) - Teknologi Memproses Agromakanan - Pengurusan Industri Perladangan - Pengurusan Ternakan Unggas	<u>Semester V</u>
	Latihan Industri

KOS PENGAJIAN

Kos pengajian dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan tempat penginapan serta makanan juga disediakan sepanjang program dijalankan.

PROSPEK KERJAYA

Graduan Institut Pertanian boleh memilih untuk bekerja, sama ada di sektor awam atau swasta atau menjadi usahawan pertanian. Golongan ini juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau swasta.



Komuniti Agro Lestari



PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN

Pengambilan dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut:

- Warganegara Malaysia berumur di antara 18 hingga 25 tahun pada masa program bermula.
- Berkelulusan SPM atau yang setaraf dengannya dan mempunyai kelayakan yang diperoleh dalam peperiksaan seperti berikut:
 - Minimum Lulus dalam Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
 - Minimum Lulus dalam Matematik atau Matematik Tambahan dan
 - Minimum Kepujian dalam salah satu mata pelajaran berikut;

Sains Pertanian, Sains, Pengeluaran Tanaman, Pengeluaran Ternakan, Hortikultur Hiasan dan Landskap, Kejenteraan Ladang, Pengurusan Ladang, Pengajian Agroteknologi, Landskap dan Nurseri, Tanaman Makanan, Geografi, Perdagangan, Prinsip Perakaunan, Ekonomi, Ekonomi Rumah Tangga, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Tambahan, Teknologi Bengkel Mesin, Kerja Menggegas dan Memesin, Teknologi Binaan Bangunan, Kerja Kayu dan Bata, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Kerja Kimpalan, Teknologi Automotif, Menservis dan Membaiki Kenderaan, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pengajian Keusahawanan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pengurusan Makanan, Asas Pemprosesan Maklumat, Teknologi Katering, Katering dan Penyajian, Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan, Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri, Membuat Roti dan Pastrri, Kerja Paip Domestik, Kimpalan Arka dan Gas, Menservis Automobil, Pemprosesan Makanan, Akuakultur dan Haiwan Rekreasi, Perniagaan, Sains Rumah Tangga, Pertanian

- Berjaya dalam temuduga yang dijalankan dan
- Belum berkahwin.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

PENGETUA,
Institut Pertanian Sarawak,
KM 20 Jln. Kuching/ Serian, Semongok,
93250 Kuching.
Tel : 082-611341/611342/611343
Fax : 082-611662
atau layari :
www.doa.sarawak.gov.my

